

01/09/1997

Pelan baru bagi isi kemerdekaan

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat mengenal pasti strategi dan pelan baru bagi mengisi kemerdekaan negara pada tahun akan datang.

Perdana Menteri berkata, jika persiapan awal tidak dibuat mulai sekarang bagi menghadapi perubahan dunia, negara sudah tentunya tidak akan mampu bersaing dengan negara yang sudah maju.

"Ini penting kerana negara kita sedang melangkah ke era baru dunia yang akan mengalami perubahan besar berikutan pembangunan pesat sains dan teknologi, khususnya teknologi maklumat, multimedia, komunikasi dan pendekatan globalisasi dalam semua aktiviti manusia.

"Sehubungan itu, rakyat perlu bersedia mulai sekarang bagi menghadapi kedatangan alaf dan abad baru ini. Kita perlu mencari strategi dan pelan baru bagi mengisi kemerdekaan negara bagi tahun akan datang.

"Jika kita tidak membuat persiapan awal, negara sudah pasti tidak boleh bersaing dengan negara lain yang lebih maju," katanya dalam kata-kata aluan buku cenderamata sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-40 di Dataran Merdeka, hari ini.

Dr Mahathir berkata, Malaysia melalui proses pembangunan yang pesat selepas 40 tahun merdeka, dan sedang menuju ke arah menjadi sebuah negara perindustrian.

Menurutnya, kemajuan yang berjaya dicapai itu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara contoh kepada negara membangun dan negara Islam lain di dunia.

"Kejayaan pembangunan negara turut sama dinikmati oleh semua lapisan rakyat kita. Bagi meningkat dan mengekalkan kemajuan ini, rakyat hendaklah terus berusaha memainkan peranan masing-masing dengan menambah kemahiran atau kecekapan serta ilmu dalam bidang diceburi," katanya.

Dr Mahathir berkata, dalam usaha mengejar kejayaan, pembangunan serta kemajuan bangsa dan negara, rakyat seharusnya tidak lupa pembentukan diri ke arah kemuliaan.

Kata Perdana Menteri, kerajaan mahu pembangunan negara seiring pembangunan kerohanian rakyat kerana keseimbangan antara pembangunan negara dan rakyat penting bagi melahirkan masyarakat madani.

"Pendekatan itu adalah bertepatan dengan tema Hari Kebangsaan iaitu 'Akhlag Mulia Masyarakat Jaya'. Tema ini dipilih atas kesedaran bahawa perlunya rakyat kita mempunyai ketahanan diri dalam menepis segala ancaman yang boleh meruntuhkan akhlak dan struktur masyarakat kita," katanya.

(END)